

1975

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMBEKAL LEBIH BANYAK BUKU RUJUKAN DAN TAMBAHAN KE SEKOLAH-SEKOLAH DI MASA DEPAN, DEMIKIAN MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN.

KATANYA, LANGKAH TERSEBUT BERTUJUAN MENGGALAK SERTA MENIMBULKAN KESEDARAN DI KALANGAN PELAJAR TENTANG PERLUNYA MEMBACA LEBIH BANYAK BUKU.

MENURUT BELIAU, KEBANYAKAN PELAJAR SEKARANG HANYA BERGANTUNG KEPADA BUKU-BUKU TEKS YANG DITENTUKAN OLEH SEKOLAH UNTUK LULUS PEPERIKSAAN.

BELIAU BERCAKAP DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMERIMA SUMBANGAN CEK \$10,000 DARI PENGARAH URUSAN SYARIKAT MOBIL OIL MALAYSIA SDN. BHD., ENCIK A.L. FERGUSSON, HARI INI.

SUMBANGAN ITU JALAH UNTUK MEMBANTU RANCANGAN PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS KEPADA PELAJAR-PELAJAR MISKIN.

DALAM TAHUN 1973, SYARIKAT MOBIL MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$7,000 UNTUK RANCANGAN PEMBERIAN BUKU-BUKU TEKS KEPADA ANAK-ANAK PESERTA RANCANGAN FELDA.

TAHUN LALU, SYARIKAT MENGUNTUKKAN \$10,000 DI BAWAH RANCANGAN TERSEBUT. -- BERNAMA 1742/YF